

**KENYATAAN MEDIA PERDANA MENTERI,
YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK
DI MESYUARAT MAJLIS EKONOMI BUMIPUTERA (MEB)**

**27 JANUARI 2014 (ISNIN)
10.45 PAGI – 12.45 TENGAH HARI
PEJABAT PERDANA MENTERI, PUTRAJAYA**

PERKEMBANGAN PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA

- Pada 14 September lalu, saya telah mengumumkan inisiatif-inisiatif Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera melalui lima teras utama iaitu mendaya modal insan, memantapkan pemilikan ekuiti korporat, memperkukuh pemilikan aset bukan kewangan, memperhebat keusahawanan dan perniagaan, dan memantapkan ekosistem penyampaian perkhidmatan.
- Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) telah bersidang sebanyak tiga kali dan bulan Januari ini sahaja, kita telah mengadakan dua mesyuarat MEB. Kerajaan sangat menekankan Pemerkasaan Agenda Bumiputera sebagai satu Agenda Nasional yang penting dan sehubungan ini, berikut adalah keputusan-keputusan yang telah dibuat:

- i) Saya ingin memaklumkan bahawa pada mesyuarat MEB sebelum ini, kita telah berbincang mengenai *frame-work Key Performance Index (KPI) GLC* dan MEB bersetuju untuk ia diumumkan pada suku kedua tahun ini.
- ii) Selain itu, MEB juga dimaklumkan bahawa Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) telah ditubuhkan di semua kementerian dan Jawatankuasa Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha kementerian-kementerian tersebut. Pada masa ini, kementerian sedang menyediakan KPI Bumiputera dan ia juga akan diumumkan pada suku kedua tahun ini.
- iii) Saya juga ingin memaklumkan bahawa MEB juga telah meluluskan mekanisme pelaksanaan Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) dan penstrukturan semula Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) yang kini diletakkan di bawah TERAJU.

DANA MUDAHCARA BUMIPUTERA

- Kerajaan menyedari bahawa kita perlu memberikan sokongan kepada usahawan Bumiputera untuk meningkatkan pelaburan melalui pembiayaan inisiatif swasta dan sekali gus membina kapasiti mereka untuk bersaing di pasaran terbuka.
- Sehubungan itu, Kerajaan telah memperkenalkan Dana Mudahcara iaitu geran sehingga 15% daripada keseluruhan kos projek yang bernilai sekurang-kurangnya RM5 juta dan mempunyai komponen infrastruktur, jentera dan/atau peralatan.

- Peruntukan sebanyak RM2 bilion yang disediakan melalui kolaborasi di antara Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) dan TERAJU ini dilaksanakan dengan kerjasama Wilayah-wilayah ekonomi di seluruh negara (ECER, NCER, SEDIA, IRDA dan Sarawak).
- Saya ingin mengumumkan sehingga Januari 2014, Dana Mudahcara yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

Butiran	Jumlah yang diluluskan melalui TERAJU	Jumlah yang diluluskan melalui UKAS
Jumlah projek yang diluluskan	111	16
Jumlah syarikat yang melaksanakan projek	100	16
Jumlah keseluruhan pelaburan swasta	RM5.083 bilion	RM9.819 bilion
Jumlah Dana Mudahcara yang diluluskan	RM569.9 juta	RM793.3 juta

- Melalui program Dana Mudahcara yang disediakan TERAJU ini, syarikat-syarikat Bumiputera yang terlibat dijangka menyediakan **23,000** peluang pekerjaan baru kepada rakyat negara ini.
- Antara sektor-sektor utama yang menerima geran Dana Mudahcara ialah:

Sektor	Kos Pembangunan Kasar (<i>Gross Development Cost</i>)	Nilai Dana Mudahcara	Jumlah Projek
Minyak, Gas & Tenaga	RM1.197 bilion	RM122.4 juta	22 projek
Pembangunan Hartanah / Pembinaan	RM1.083 bilion	RM116.8 juta	20 projek
Pemborongan & Peruncitan	RM1.03 bilion	RM103.4 juta	13 projek

DANA TERAS

- Kerajaan menyedari bahawa walaupun syarikat-syarikat Bumiputera berdaya maju namun sesetengahnya menghadapi pelbagai cabaran termasuklah untuk mendapatkan pinjaman bagi mengembangkan perniagaan.
- Bagi menyokong syarikat-syarikat ini untuk terus berkembang, Kerajaan telah melancarkan Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) pada bulan Julai 2011.
- Sehingga kini, terdapat 520 buah syarikat berada di bawah program ini. Sebagai sokongan untuk meningkatkan daya saing syarikat-syarikat ini, Kerajaan telah mewujudkan Dana TeraS untuk membiayai modal kerja (*working capital*) dan pemerolehan aset (*asset acquisition*).

- Setakat ini, jumlah keseluruhan Dana Teras yang disediakan ialah RM1.64 bilion dan ia disalurkan melalui tiga buah institusi kewangan, iaitu SME Bank, RHB Islamic dan Malaysian Industrial Development Finance (MIDF).
- Sehingga Januari 2014, sebanyak 126 permohonan telah diluluskan oleh ketiga-tiga institusi kewangan ini, dengan pembiayaan bernilai RM453.3 juta. Jumlah ini merangkumi modal kerja (*working capital*) berjumlah RM232.1 juta dan pemerolehan aset (*asset acquisition*) berjumlah RM221.2 juta.
- Dengan adanya dana ini, syarikat-syarikat Bumiputera mampu meningkatkan penyertaan dalam sektor strategik dan bersaing di pasaran terbuka.

SUPERB (SKIM USAHAWAN PERMULAAN BUMIPUTERA)

- Selain membantu syarikat-syarikat maju dan kukuh untuk berkembang, Kerajaan juga menyedari bahawa ramai anak-anak muda yang mempunyai idea yang kreatif dan inovatif tetapi menghadapi cabaran untuk membangunkan idea tersebut dalam bentuk perniagaan.
- Dalam majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, saya telah mengumumkan program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB). Ia merupakan pembiayaan untuk membantu syarikat-syarikat *start-up* dengan dana RM100 juta dalam tempoh 3 tahun. Sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan untuk tahun 2014.

- SUPERB menyediakan geran sehingga RM500,000 untuk menyokong idea perniagaan yang inovatif dan kreatif. Kita menjangkakan seramai 300 orang usahawan baru dari kalangan belia mendapat manfaat dari program ini.
- Program SUPERB dibuka kepada Bumiputera yang ingin menjadi usahawan atau syarikat Bumiputera yang beroperasi kurang daripada 3 tahun.
- Pemilihan usahawan ini akan dilakukan oleh Jawatankuasa Pemilihan SUPERB yang dianggotai sekumpulan panel usahawan yang berjaya dalam perniagaan masing-masing. Nama ahli panel SUPERB akan diumumkan di dalam jangka masa yang terdekat ini.
- Di sini juga saya ingin mengumumkan bahawa permohonan untuk menyertai SUPERB akan dibuka pada 2 Februari 2014 dan maklumat lanjut mengenainya akan dibuat melalui iklan di akhbar-akhbar harian pada hari tersebut.
- Kita berharap inisiatif-inisiatif ini akan memberi manfaat kepada pelbagai kelompok usahawan Bumiputera sama ada yang telah berkembang atau baru. Insya-Allah, kita akan umumkan lagi inisiatif-inisiatif tambahan untuk membantu kelompok usahawan Bumiputera yang lain.

Sekian. Terima Kasih.

27 Januari 2014